

# Lindungi, pelihara monumen-monumen lama barangan antik

Oleh : Dk. Siti Redzalmi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



**PEMANGKU** Timbalan Pengarah Muzium-Muzium, Dayang Aminah binti Haji Majid selaku Ketua Urus Setia Lembaga Muzium semasa menyampaikan taklimat mengenai Akta Barang-barang Purbakala dan Harta Terpendam 1967 bagi Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara (kiri). Sementara gambar kanan, para Penghulu dan Ketua-ketua Kampung yang hadir pada Sesi Taklimat Akta Barang-barang Purbakala dan Harta Terpendam 1967, Edisi Semakan 1984, 1991, 2002.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 13 Februari. - Sesi Taklimat Akta Barang-barang Purbakala dan Harta Terpendam 1967, Edisi Semakan 1984, 1991, 2002 diteruskan lagi bertempat di Dewan Teater, Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Taklimat adalah usaha Urus Setia Lembaga Muzium, Jabatan Muzium-Muzium bagi membarigakan tentang Akta Barang-barang Purbakala dan Harta Terpendam 1967, edisi semakan 1984, 1991 dan 2002.

Sesi dihadiri oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Kota Batu dan Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis dan Ketua Kampung Limau Manis, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Johari @ Jahari serta Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung Brunei Muara khususnya dari Mukim-mukim Serasa, Mentiri, Gadong 'A' dan Gadong 'B', Kota Batu, Kianggeh, Sungai Kebun, Saba, Peramu, Burong Pingai Ayer,

Tamoi dan Sungai Kedayan.

Taklimat bertujuan untuk menghebahkan tentang Akta Barang-barang Purbakala dan Harta Terpendam yang diperkenalkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, diperuntukkan untuk melindungi dan memelihara monumen-monumen lama dan bersejarah, tapak-tapak arkeologi, tinggalan-tinggalan dan barang-barang antik.

Akta ini dikawal oleh satu badan

yang dikenali sebagai 'Lembaga Muzium', dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Pengarah Muzium-Muzium selaku Setiausaha dan tujuh ahli yang dilantik oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sebanyak 29 monumen, tapak dan makam diwartakan di Daerah Brunei dan Muara, antaranya Bangunan Bubungan Dua Belas, Tapak Arkeologi Kota Batu, Tapak Lombong Arang Batu, Bangunan Kastam dan Eksais Diraja, Rumah Jerambak, Rumah Semaun,

Makam-makam Sultan seperti Makam Sultan Sharif Ali, Makam Sultan Bolkih, Makam Sultan Muhammad Jamalul Alam I, Makam Sultan Muhammad Kanzul Alam, Makam Sultan Muhammad Jamalul Alam II, Makam Sultan Ahmad Tajuddin dan Makam Sultan Omar 'Ali Saifuddin III.

Taklimat disampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Muzium-Muzium, Dayang Aminah binti Haji Majid juga selaku Ketua Urus Setia Lembaga Muzium.

## UNISSA terima kunjungan muhibah dari tiga Universiti Republik Indonesia



PARA Delegasi Republik Indonesia bergambar ramai bersama Pegawai-Pegawai Utama UNISSA

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 13 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) baru-baru ini menerima kunjungan muhibah daripada rombongan seramai 11 pegawai kanan dari tiga universiti terkemuka di Indonesia.

Ketibaan delegasi tersebut dialu-alukan oleh Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad.

Tiga buah universiti tersebut ialah Universitas Al-Azhar Jakarta, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya dan Universitas Hasanuddin Makassar. Ketiga buah universiti ini telah menyertai Ekspo Pengajian Tinggi 2018 yang diadakan pada 10 dan 11 Februari di Bridex Hall 2,

seterusnya mengambil kesempatan membuat kunjungan ke UNISSA.

Dalam ucapan alu-aluan, Pemangku Rektor UNISSA mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas kesempatan perjumpaan tiga buah universiti Republik Indonesia, yang mana perjumpaan tersebut merupakan platform ke arah jalinan kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan.

Pihak delegasi seterusnya mendengarkan taklimat perkembangan UNISSA yang disampaikan oleh Pemangku Timbalan Pendaftar (Akademik), Awang Hayatuddin bin Haji Moksin.

Dalam sesi perbincangan,

kesemua perwakilan setiap universiti Republik Indonesia merancang untuk meneruskan lagi jaringan kerjasama pada waktu terdekat dengan UNISSA untuk mengadakan program pertukaran pelajar, pengendalian seminar atau bengkel dan usaha-usaha yang akan lebih memperkayakan bidang ilmu pengetahuan.

Pertemuan UNISSA dengan Ketiga universiti Republik Indonesia itu bertujuan untuk menjalinkan hubungan silaturahim, di samping dapat bertukar-tukar maklumat dan disokong lagi oleh kehadiran pihak Kedutaan Besar Republik Indonesia diketuai oleh Dayang Shinta Hapsari, Setiausaha Pertama.

Perjumpaan tersebut dihadiri sama oleh pegawai-pegawai utama UNISSA.

## Pemeriksaan Kanser Payudara di JPMC

Siaran Akhbar : Pusat Perubatan Jerudong Park

**JERUDONG,** Rabu 14 Februari 2018. - Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Centre - JPMC) kini menawarkan Pemeriksaan Kanser Payudara yang sesuai untuk wanita di semua peringkat umur termasuk Mammogram atau Ultrasound Payudara. Promosi ini kini boleh didapati sehingga 30 April 2018.

Promosi ini bersempena dengan Hari Kanser Sedunia yang disambut setiap 4 Februari. Objektif pemeriksaan ini adalah untuk mengesan kemungkinan terdapatnya tanda-tanda keabnormalan pada peringkat awal kerana kebanyakan wanita tidak mengalami sebarang gejala. Kanser payudara boleh dirawat jika didiagnosis di peringkat awal dan mempunyai salah satu kadar *survival* tertinggi dari mana-mana kanser.

Menurut Dr. Shyja Abraham dari Jabatan Pengimejan Diagnostik (Radiologi) JPMC, dengan kanser payudara, ia adalah perkara biasa untuk tidak mengalami tanda-tanda amaran awal.

Kanser payudara jelasnya boleh menyebabkan rasa sakit di mana tumor tumbuh dan tidak menolak apa-apa untuk menyebabkan kesakitan. Oleh itu, pemeriksaan untuk kanser payudara tegasnya adalah penting untuk wanita.

Pakej-pakej Pemeriksaan Payudara meliputi pemeriksaan radiologi menggunakan teknologi canggih yang digunakan untuk pemeriksaan mamogram dan ultrasound yang kedua-duanya berharga BND99.

Namun demikian, temuanjani diperlukan di samping bayaran pendaftaran sebanyak BND10 bagi mana-mana pesakit baru di JPMC. Nasihat perubatan dan rekomendasi akan berdasarkan penemuan kes, penyiasatan klinikal, sejarah perubatan dan profil peribadi. Ujian tambahan mungkin akan disyorkan berdasarkan penilaian klinikal Radiologi semasa pemeriksaan atau pemeriksaan perubatan yang mungkin akan dikenakan bayaran sewajarnya.

Jabatan Pengimejan Diagnostik dibuka dari Isnin hingga Jumaat dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari, dan dari jam 1.00 hingga 5.00 petang. Pada Sabtu, klinik dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari sahaja.

Maklumat lanjut atau untuk membuat temuanjani, sila hubungi Jabatan Pengimejan Diagnostik melalui talian +673 2611433 sambungan 2223 / 2246 atau e-mel terus ke [ddireception@jpmc.com.bn](mailto:ddireception@jpmc.com.bn).

Sementara maklumat lanjut mengenai JPMC boleh melayari [www.jpmc.com.bn](http://www.jpmc.com.bn) atau e-mel [marketing@jpmc.com.bn](mailto:marketing@jpmc.com.bn).